

Kolej Kediaman Excellent UMS anjur Program Interaksi Sosial di Kg Numbak

UB 4-4-2018 A7

KOTA KINABALU: Exco Kebajikan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Excellent Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Interaksi Sosial bersama Kanak-Kanak di Kampung Numbak di sini.

Pengarah Program Siti Irra Shahirah Mohd Yasin berkata, program kemasyarakatan itu melibatkan penyertaan seramai 150 pelajar Numbak Vision Centre yang turut dijayakan 23 ahli jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada barisan kepimpinan Kolej Kediaman Excellent.

“Objektif utama

penganjuran program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar kolej kediaman ini beramah mesra dengan kanak-kanak Kampung Numbak.

“Di samping itu, ia juga sebagai satu wadah memupuk sifat kasih sayang dan prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik khususnya kanak-kanak yang terpinggir daripada arus kemajuan dek kerana status kerakyatan mereka di negara ini,” katanya dalam satu kenyataan.


Menurut Siti Irra, pelbagai pengisian menarik pada program itu seperti sesi ramah mesra bersama pelajar



Numbak Vision Centre serta pemberian sedikit sumbangan buku kepada pihak sekolah berkenaan.

“Program Interaksi Sosial

ini merupakan satu program bersiri yang mana siri ke-2 nanti dijadualkan berlangsung pada Mei depan,” tambahnya yang juga Yang Dipertua



(Gambar atas) **AKTIVITI** yang diadakan Kolej Kediaman Excellent mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelajar Numbak Vision Centre.

(Gambar kiri) **HILMEY** (tengah) menyampaikan hadiah kepada murid sekolah sambil diperhatikan Siti Irra (tepi kiri) dan Firdaus (dua dari kanan).

Jakmas Kolej Kediaman Excellent.

Turut hadir pada program

itu, Pengetua Numbak Vision Centre Firdaus Acha

@Graham. S dan Timbalan

Pengetua Kolej Kediaman Excellent Mohd Hilme

Saili.